



**TEKS UCAPAN
YABHG. DATIN SERI UTAMA
DATUK WIRA HJH. MUNIRA BINTI M. YUSOP
PENGERUSI BISTARI
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DEEPAVALI BAGI
GOLONGAN KURANG UPAYA DAN ANAK-ANAK YATIM BAGI
TAHUN 2021
ANJURAN BISTARI NEGERI MELAKA
TARIKH: 23 OKTOBER 2021 (SABTU), MASA: 9.00 PAGI
DEWAN SERI BENDAHARA, KEDIAMAN RASMI
KETUA MENTERI MELAKA.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia Menggamit Dunia.**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis;

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Sulaiman
bin Md Ali,
Ketua Menteri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datin Seri Zuriyah binti Abdul Aziz,
Isteri kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datin Seri Hjh. Zainun binti Tun
Ghafar,
Isteri kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri
Makanan I merangkap Timbalan Pengerusi BISTARI
Negeri Melaka;**

Yang Berbahagia Datuk Wira M.S Mahadevan A/L Sanacy,

Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat kepada YAB Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi MIC Negeri Melaka;

**Yang Berusaha Encik Burhanuddin bin Bachik,
Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka;**

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin;

**Seterusnya, Ahli-ahli BISTARI, Tuan-tuan, Puan-puan,
Rakan-rakan Media, serta Hadirin – hadirat Sekalian,**

MUKADIMAH

1. Pertamanya, saya menjunjung setinggi-tinggi kesyukuran kerana diberikan kesihatan yang baik untuk bersama-sama hadir memeriahkan Majlis Penyampaian Sumbangan Deepavali bagi Tahun 2021 anjuran BISTARI Negeri Melaka.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENGERTIAN DEEPAVALI

2. Ungkapan "*Deepavali*" adalah gabungan perkataan "*depa*" yang bererti cahaya dan "*gavali*" yang bererti '*sebaris pelita*', untuk menyambut kemenangan iaitu dalam kata lainnya, "*kecerahan mengatasi kegelapan*", "*kebaikan mengatasi kejahatan*", "*keadilan mengatasi kezaliman*" dan "*kebijaksanaan mengatasi kejahilan*".

3. Perayaan Deepavali ini juga sangat sinonim dengan semua perayaan yang disambut di Malaysia, di mana, tidak kira apa jua bangsa, agama dan kaum, pastinya kita akan sama-sama menyambut perayaan Deepavali ini sekali gus dapat memupuk perpaduan pelbagai kaum dan budaya di negara ini khususnya di negeri Melaka.

4. Percayalah, sesungguhnya tiada apa yang boleh dilakukan dengan jayanya di negeri Melaka yang kita cintai ini, jika tiada kerjasama serta perpaduan erat antara kita yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

**PENYAMPAIAN SUMBANGAN DEEPAVALI BAGI GOLONGAN
KURANG UPAYA DAN ANAK-ANAK YATIM**

5. Saya amat bersyukur kerana pada pagi ini, BISTARI dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat berpeluang meraikan kira-kira **90** orang penerima iaitu seramai **15** orang bagi setiap Parlimen terdiri daripada kumpulan **Orang Kelainan Upaya (OKU)**, **warga emas** dan **golongan kurang berkemampuan**.

6. Untuk makluman semua, sumbangan pada kali ini ialah berbentuk wang tunai dan kuih raya yang disumbangkan oleh BISTARI, manakala barangan keperluan harian pula merupakan sumbangan dari Perbadanan Teknologi Hijau Melaka.

7. Kepada semua para penerima yang diraikan, semoga dengan kehadiran dan interaksi seumpama ini sedikit sebanyak hasrat BISTARI dalam menyampaikan amanah kepada rakyat telah dilaksanakan secara terus dan tulus di semua peringkat masyarakat. Selain itu, saya juga berharap sumbangan yang diberi ini sedikit sebanyak dapat melengkapkan dan

memeriahkan lagi suasana sambutan Deepavali tuan-tuan dan puan-puan sekeluarga.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Di kesempatan ini, saya mewakili BISTARI ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penyumbang Majlis Sambutan Perayaan Deepavali pada hari ini. Dengan hati yang tulus ikhlas, kita juga mendoakan semoga rezeki dan keuntungan para penyumbang juga akan berlipat ganda pada tahun-tahun akan datang.

9. Selain itu, sekalung tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka yang begitu komited dalam memberi kerjasama untuk menjayakan majlis yang penuh bermakna ini.
10. Kepada para penyumbang dan semua yang hadir, izinkan saya mendedikasikan serangkap pantun:

***Kemeriahan Aidilfitri disambut semua,
Begitu juga Deepavali dan Tahun Baru Cina;
Sumbangan diterima banyak manfaatnya,
Menjadi kenangan hidup selama-lamanya.***

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENUTUP

11. Sempena Sambutan Perayaan Deepavali, marilah kita semua menguatkan lagi azam dan tekad untuk mengeratkan kasih sayang dan perpaduan antara kaum yang dipupuk oleh nenek moyang kita selama ini, sebagai *“cahaya yang mengatasi kegelapan”* atau *“kebaikan yang mengalahkan “kejahatan”*.

12. Saya akhiri ucapan ini dengan ungkapan "Deepavali Vaalthukal" yang *bermaksud Selamat Menyambut Hari Deepavali* kepada rakyat Melaka yang beragama Hindu dengan harapan, perayaan ini akan membawa cahaya kebahagiaan dan keharmonian yang lebih gemilang kepada kita semua.

Sekian,

Wabillahitaufik, walhidayah wassalamualaikum
waramatullahi wabarakatuh. Terima kasih.